

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019 | RABU**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH  
BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah prestasi pengurusan jemaah Haji Malaysia bagi tahun 2019/1440H baru-baru ini dan mengapa masih terdapat jemaah haji Malaysia yang terkandas dan tidak dapat menunaikan fardhu haji.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi haji yang dilaksanakan oleh Lembaga Tabung Haji (**TH**) pada tahun ini secara keseluruhannya berjalan dengan lancar tanpa sebarang insiden besar yang tidak diingini. Jemaah haji Malaysia dapat menyelesaikan ibadat haji mereka dengan selamat dan sempurna. Operasi haji bagi musim 1440H/2019M telah berakhir pada 13 September 2019 dengan ketibaan kumpulan terakhir jemaah haji Malaysia seramai 475 orang di KLIA, Sepang pada tarikh tersebut.

Pada kesempatan dalam dewan yang mulia ini, pihak **TH** ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutama Tuanku Raja Salman bin Abdul Aziz Al Saud, Kedutaan Besar Diraja Arab Saudi di Malaysia dan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi. Ucapan

## NO. SOALAN : 13

terima kasih juga kepada agensi-agensi yang terlibat antaranya Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri-negeri, syarikat penerbangan Malaysia Airlines dan Flynas serta Malaysia Airports yang telah banyak membantu dalam memastikan kelancaran operasi haji di Tanah Air dan Tanah Suci pada musim haji kali ini. Semoga kerjasama erat dan hubungan baik di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi akan berkekalan dan sokongan semua pihak ini berterusan pada musim-musim haji akan datang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai berita rakyat Malaysia yang terkandas pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua individu yang terlibat berangkat ke Tanah Suci dengan beranggapan menggunakan visa haji Furada yang dikeluarkan oleh pihak Kedutaan Arab Saudi di Malaysia. Pemberian visa haji Furada ini tidak menggunakan kuota rasmi jemaah haji Malaysia yang berjumlah 30,200 orang pada musim haji 1440H/2019M.

Pemergian kumpulan tersebut ke Tanah Suci diuruskan oleh syarikat persendirian dan tidak dilesenkan oleh **TH**. Sehubungan itu, mereka ini adalah tidak tertakluk langsung mahupun berada di bawah bidang kuasa **TH**. Namun, **TH** prihatin dengan keadaan kumpulan tersebut dan memastikan kebajikan mereka adalah terjaga daripada aspek makan minum dan penjagaan kesihatan.

Sekian. Terima kasih.